



# KOPI PAHIT

En. Mohamad Khir Johari,  
Menteri Pelajaran tatkala membuka  
sebuah sekolah, menurut siaran  
televisyen, beliau menyatakan bahawa  
ibu bapa lebih baik memasukkan  
anak-anaknya ke sekolah kebangsaan daripada  
ke sekolah agama kerana sekolah kebangsaan  
lebih lengkap. Mendengar ini orang-orang  
Islam hampir-hampir tidak percaya yang  
perkataan itu keluarnya daripada mulut  
seorang menteri Islam. Apa hendak  
kata – Dunia.

\* \* \*

Kemampuan masyarakat seorang  
penulis di sebuah harian di Malaysia  
ini pernah bertanya: “Setakat manakah  
Islam bergetak menuju kepada matlamat  
pembangunan?” Pertanyaan ini sulit  
hendak dijawab, kerana selagi  
Islam dianak-tirikan, dan hanya pada  
simbol sahaja diperjuangkan,  
kemampuan membina masyarakat Islam  
tidak mungkin ada, sebab perjuangan  
Islam tidak terbatas atas kebendaan,  
tetapi mesti berasas kepada  
keimanan kepada Allah dengan sebenar-benarnya,  
bukan sekerat-kerat, seperti yang dijalankan  
oleh setengah-setengah golongan mengaku sebagai  
pemimpin orang Islam.

\* \* \*

Seorang pemimpin di sebuah  
perguruan yag terbesar di tanah air kita

ini, di dalam ucapannya kepada pelawat-pelawat  
memperingatkan bahawa dua tahun berturut-turut  
bah yang hebat berlaku di tanah air  
kita sehingga penderitaan yang pedih  
berlaku di atas rakyat. Belum habis  
penderitaan itu berjalan maka  
timbul pula kemarau yang kencang  
dan hebat. Adakah ini, katanya, tidak  
menyedarkan kita akan peringatan-peringatan Allah  
kepada maksiat-maksiat yang kita lakukan?  
Manusia tuan, sebelum dihancurkan  
Tuhan tidak sedar kepada dirinya,  
sehingga yang halal jadi haram dan  
yang haram jadi halal, tidak  
tabik kecuali kerana mereka tidak  
takut kepada Allah. Mereka lupa  
perbuatannya adalah membawa bencana pula  
kepada orang lain. Habis apa mahu  
buat – Hapuskan sahaja. Kalau  
boleh, habiskan perkara dong!

\* \* \*

Yang di sebut di atas orang awamnya.  
Orang-orang agamanya? Sebahagiannya lupa  
pula daratan! Asakan<sup>1</sup> periuk nasi  
tidak masuk pasir tidak mengapa!  
Apa fatwa diri biar membujur  
lalu melintang patah asakan<sup>2</sup> menyenangkan  
orang atasan. Dalil dibuat bukan pada  
tempatnyanya. Kalau dahulu akhlak agama  
dididik dengan amalannya dimadrasahnyanya

dan bahasa Arab dijadikan  
bahasa pengantarnya, sekarang tidak  
perlu lagi! Kerana, tau sama  
tau. Sebabnya? Mereka lupa hidup  
di dunia sementara sahaja. *Khāf Allāh  
yā shaykh!*

\* \* \*

Amerika, ialah sebuah negara  
demokrasi yang kononnya berdiri  
di atas dasar Amerika untuk orang  
*American*. Dasar itu bukan dasar  
perkauman, tetapi penindasan-penindasan  
ekonomi dan sosial terhadap  
orang-orang berkulit hitam berjalan  
terus dan akhirnya permusuhan  
berjalan, ertinya perkauman berjalan.  
Tidakkah ini satu gambaran dan  
perhatian yang baik kepada mereka-mereka yang  
berjuang untuk menghapuskan  
perjuangan orang-orang Melayu sebagai  
perjuangan perkauman? Hubaya, sedarlah!

\* \* \*

Pemerintahan Indonesia sekarang  
tidak membenarkan pemimpin-pemimpin Islam  
untuk campur dan memimpin umat  
Islam di dalam menjalankan siyasah  
perjuangan umat Islam di Indonesia  
– Ertinya Parti Islam yang kuat  
terasnya tidak dibenarkan tumbuh. Ada  
pun yang ditumbuhkan ialah parti yang  
hanya pakai “inggih” saja (ya  
sahaja), kerana apabila pemimpin-pemimpin lama  
bergerak ia akan mendapat mempengaruhi  
rakyat dengan hebat. Inilah nasibnya  
Islam, di dunia. Hanya Islam dapat  
bergerak kalau . . . kalau apa . . . tanya  
sahaja sama – **Cemeti al-Farouk**.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah asalkan

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah asalkan